

17/09/1998

Mafec '98 di PWTC 25 September

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pembangunan Usahawan, Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Francais Malaysia 1998 (Mafec '98) di Pusat Dagangan Dunia Putra dari 25 hingga 27 September ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh, berkata Mafec '98 akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga akan mengadakan satu sesi soal jawab dengan peserta persidangan.

"Tema persidangan kali kedua ini ialah 'Mencipta Peluang di Sebalik Krisis' yang bertepatan untuk mereka yang mencari peluang perniagaan sesuai dalam kegawatan ekonomi.

"Mafec '98 bermatlamat memberi pengetahuan kepada masyarakat Malaysia mengenai perniagaan francais, terutama kepada mereka yang berminat untuk menceburi perniagaan sebagai francaisor, francaisi induk dan francaisi.

"Isu penting yang berkaitan dengan undang-undang, kemudahan kewangan serta cabaran yang perlu dihadapi oleh pengusaha akan turut dibincangkan," katanya dalam majlis penerimaan cek daripada dua lagi penaja, di sini hari ini.

Penaja terbabit ialah Sistemaju Holdings Sdn Bhd yang menyampaikan sumbangan berjumlah RM15,000 melalui Presidennya, E H Ch'ng dan cek berjumlah RM10,000 pemberian Global Travel Network Sdn Bhd pula disampaikan oleh Pengerusi Eksekutifnya, Abdul Khalid Datuk Abdul Aziz.

Secara keseluruhan, kini ada sembilan penaja bersama sudah meyampaikan sumbangan masing-masing kepada kementerian yang bertindak sebagai penaja induk Mafec 98 yang dianjurkan buat kali kedua itu.

Setakat ini, lebih 350 peserta dalam dan luar negara sudah mendaftar manakala 87 tapak gerai sudah diambil dan permintaan dijangka meningkat sebelum tiba hari pameran.

(END)